

445
NO. SOALAN: ~~451~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tenaga kerja yang menganggur mengikut tahap pencapaian pendidikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pengangguran diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh (**PTB**) dan merujuk kepada mereka yang berada dalam kumpulan umur 15 hingga 64 tahun semasa tempoh rujukan. Penyiasatan yang dijalankan setiap bulan ini menyediakan statistik guna tenaga dan **pengangguran** di peringkat nasional dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar.

Menganggur merujuk kepada mereka yang berada di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja (walaupun sejam) semasa minggu rujukan tetapi bersedia untuk bekerja atau mencari pekerjaan dalam minggu tersebut.

Konsep dan definisi **pencapaian pendidikan** pula merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan dikategorikan sebagai **tiada pendidikan rasmi, rendah, menengah dan tertiar**.

Berdasarkan keterangan di atas, jumlah penganggur mengikut tahap pencapaian pendidikan di Malaysia adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Penganggur mengikut pencapaian pendidikan, Malaysia, 2015, H1/2015 dan H1/2016

Pencapaian pendidikan		2015	H1/2015	H1/2016
Jumlah	('000) (%)	450.3 100.0	443.9 100.0	501.6 100.0
Tiada pendidikan rasmi		14.7 3.3	11.0 2.5	8.4 1.7
Rendah		33.9 7.5	29.9 6.7	35.8 7.1
Menengah		249.7 55.4	254.7 57.4	291.7 58.2
Tertiari		152.1 33.8	148.4 33.4	165.7 33.0

Sumber: Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekian, terima kasih.

Oktober 2016

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN :

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peruntukan untuk Kawasan Parlimen Gopeng setiap tahun sejak 2013.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2013 hingga 2016, sebanyak RM8.27 juta telah diluluskan di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Gopeng, Perak untuk membiayai 279 program/projek.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) [
LUMUT]**

SOALAN :

YB Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta PERDANA MENTERI menyatakan bolehkah Kerajaan hari ini mengisytiharkan tarikh pilihan raya (PRU 14) kepada umum.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga Fasal 3 Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan menyatakan secara jelas bahawa sesuatu Parlimen hanya akan berjalan selama 5 tahun dari Mesyuarat pertamanya. Melalui peruntukan ini, tempoh masa yang ditetapkan adalah 5 tahun. Kuasa budi bicara untuk membubarkan Parlimen sebelum tamat tempohnya adalah terletak pada Yang Dipertuan Agong sebagaimana termaktub dalam Fasal 2(b) Perkara 40.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)

SOALAN : NO. 448

Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [LUMUT] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik pelajar Malaysia di Mesir yang diberitakan tertunggak bayaran yuran pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang terkumpul semasa misi *Fact Finding* Masalah Yuran Tertunggak Pelajar Malaysia di Mesir, bilangan pelajar yang terlibat sehingga 5 Oktober 2016 adalah seramai 849 orang.

Dalam menangani cabaran ini, Kementerian Pendidikan Tinggi telah bekerjasama dengan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dalam usaha membantu pengutipan dana melalui Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia. GPMS mengetuai kutipan tabung ini yang telah dilancarkan pada 7 Oktober 2016 dan sebanyak RM 4 juta telah berjaya dikumpul. Rakyat Malaysia boleh membantu pelajar-pelajar ini dengan menghulurkan sumbangan kepada GPMS untuk seliaan. Pelajar-pelajar juga boleh membuat permohonan secara terus kepada GPMS untuk bantuan. Pada 7 November 2016 telah diadakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran Kelulusan Bantuan kepada 10 orang pelajar perubatan. Untuk makluman, YAB Perdana Menteri akan menyerahkan bank deraf bantuan pinjaman berkenaan kepada mereka pada 27 November 2016 bersempena Persidangan Agung Tahunan GPMS yang ke-62 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Bagi Fasa 1 ini, sebanyak RM 378,400.00 telah disalurkan.

Para ibu bapa juga harus memastikan kemampuan dari segi kewangan sebelum membuat keputusan untuk menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian di luar negara. Ini bagi memastikan anak-anak mereka dapat meneruskan pengajian tanpa sebarang halangan sehingga berjaya menamatkan pengajian.